

# SIARAN MEDIA

## Untuk Siaran Segera



### BANK ISLAM MEMBIMBING PERUSAHAAN MIKRO YANG TERJEJAS OLEH COVID-19

Program **iTEKAD** akan bermula Mei 2020 beri manfaat kepada 100 usahawan mikro di peringkat permulaan

---

**KUALA LUMPUR, Ahad, 29 Mac 2020:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam" atau "Bank") menyokong penuh pelaksanaan program **iTEKAD** yang diumumkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") pada 27 Mac 2020 untuk membantu menjana pendapatan mampan dan daya tahan kewangan perusahaan mikro milik B40, dalam menghadapi kesan pandemik COVID-19. Bank Islam merancang untuk memperkenalkan inisiatif kewangan sosial ini pada **Mei 2020**.

Bank Islam kini sedang menyempurnakan butiran program untuk memastikan kecekapan pelaksanaannya demi kesejahteraan penerima. Butiran lengkap program ini akan diumumkan pada akhir **April 2020** melalui pelbagai saluran media.

Jumaat lalu, YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memperkenalkan program kewangan sosial yang bertujuan khusus menyokong dan memudahkan pembiayaan bagi usahawan mikro B40 dan mereka yang kehilangan pendapatan akibat wabak COVID-19. Program ini direka untuk menggunakan sumbangan kewangan sosial bagi penyediaan modal yang digabungkan dengan pembiayaan mikro berpatutan untuk pemohon yang layak, termasuk usahawan mikro berdaya maju, bagi mengembangkan perniagaan mereka, sekaligus menghasilkan pendapatan yang mampan.

Selaku **bank Islam pertama** yang melaksanakan program ini, Bank Islam akan menggunakan sumbangan **Zakat** bagi urusan pembiayaan mikro dalam fasa pertama pelaksanaannya. Di peringkat permulaan, **100 penerima** dijangka akan mendapat manfaat daripada program ini.

Program iTEKAD akan melibatkan kerjasama dengan **Majlis Agama Islam Negeri** terpilih termasuk **Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan** ("MAIWP") dan rakan-rakan pelaksana seperti **SME Corporation Malaysia** ("SME Corp").

Bagi memastikan kejayaan program ini, penerima terpilih juga akan mengikuti latihan tersusun bidang keusahawanan dan pengurusan kewangan melalui kerjasama antara MAIWP dan SME Corp. Mereka juga akan diberi sokongan yang diperlukan untuk membangunkan perniagaan berdaya maju pilihan mereka.

**Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed** berkata, "Ekonomi Malaysia dijangka menghadapi prospek yang sangat mencabar berikutan pandemik COVID-19 yang telahpun memberi kesan buruk terhadap ekonomi global. Kesannya tidak hanya dirasakan oleh institusi dan syarikat besar, tetapi lebih dirasai oleh banyak perusahaan kecil dan pengguna. Di masa yang mencabar ini, Bank Islam menggandakan usahanya untuk memastikan perkhidmatan di tahap terbaik dan kemakmuran yang mampu untuk masyarakat, pelanggan serta Bank. Pelaksanaan program iTEKAD membolehkan Bank Islam memainkan peranan kami dalam menyediakan bantuan kewangan kepada segmen paling terkesan yang terdiri daripada individu-individu B40 dan perusahaan mikro milik B40."

"Kami berbesar hati kerana diberi kepercayaan oleh kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk menjadi bank Islam pertama melaksanakan program ini yang turut mencerminkan nilai-nilai kami dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pemeliharaan kekayaan, kepercayaan, kehidupan, kemakmuran dan intelek. Ini juga selaras dengan falsafah **Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI")**," katanya.

Encik Muazzam menambah, "Melalui program ini, Bank Islam berhasrat untuk mengurangkan impak semasa kepada pemilik perusahaan kecil agar mereka terus berusaha mencapai kemakmuran yang berterusan."

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel Pusat Kewangan Sosial Bank Islam di [sadaqahouse@bankislam.com.my](mailto:sadaqahouse@bankislam.com.my).

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:wworkhairi@bankislam.com.my">wworkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---